



PENJELASAN PERSETUJUAN

amaze

**Advocates
for Youth**
Rights. Respect. Responsibility.


unesco

 **UNFPA**

MENGENAI PANDUANINI

Panduan perbincangan video ini adalah salah satu daripada enam panduan perbincangan yang tersedia untuk digunakan oleh pendidik rakan sebaya bagi mendidik remaja muda dan pertengahan mengenai kesihatan seksual dan reproduktif di Rantau Asia Pasifik.

Setiap panduan perbincangan menggabungkan video pendidikan AMAZE yang membincangkan satu topik dan boleh digunakan untuk menyokong rancangan pembelajaran atau sumber sedia ada yang mungkin telah anda gunakan untuk menyediakan maklumat kesihatan seksual dan reproduktif kepada golongan muda. Setiap panduan perbincangan video terdiri daripada pengenalan kepada topik video, tayangan video, soalan perbincangan dan refleksi, serta aktiviti dan/atau kuiz pilihan.



(CC BY-SA 4.0)

© 2023, Amaze (I) LLC.
Some Rights Reserved

amaze

PENJELASAN PERSETUJUAN



OBJEKTIF:

Memberikan gambaran kepada golongan muda tentang persetujuan. Tidak terhad kepada persetujuan seksual, tetapi juga dalam hubungan lain seperti keluarga dan persahabatan, dengan menayangkan video AMAZE serta memudahkan perbincangan dan peluang untuk refleksi.



LANGKAH TERAS:

Simpulkan dengan rumusan utama (5')

Memperkenalkan topik (5')

Memudahcara aktiviti pilihan (10')

Menayangkan video AMAZE (4')

Memudahcara perbincangan dan refleksi (15')

NOTA:

Ini merupakan cadangan tempoh masa untuk setiap langkah



KUMPULAN SASARAN:

Remaja muda dan pertengahan yang berusia 10-18 tahun



TEMPOH MASA:

30 - 40 minit



BAHAN TAMBAHAN:

- Pautan Video: <https://bit.ly/aboutconsent>

Untuk aktiviti bersemuka: anda memerlukan:

- Komputer dengan capaian Internet dan pembesar suara
- Projektor LCD dan skrin, atau meja untuk meletakkan komputer
- Nota lekat, papan kertas/flip chart, dan pen berwarna untuk Perbincangan dan Refleksi

Untuk pilihan maya, anda memerlukan:

- Akses kepada Zoom/Google Meet
- Google Jamboard untuk Perbincangan dan Refleksi

PENJELASAN PERSETUJUAN



PEMBUKAAN:

Maksud persetujuan ialah seseorang bersedia untuk terlibat dalam tingkah laku atau aktiviti tertentu secara aktif dan menyatakan persetujuan mereka dengan mengatakan, "Ya! Itu ok bagi saya" secara lisan, atau melalui isyarat bukan lisan seperti anggukan kepala, bahasa isyarat, atau tanda bertulis. Walau bagaimanapun, memberikan persetujuan untuk satu jenis tingkah laku tidak bermakna bersetuju untuk yang lain. Anda berhak untuk mengubah fikiran tentang apa yang anda mahu atau tidak mahu lakukan pada bila-bila masa. Sekarang, mari kita tonton video AMAZE untuk mengetahui lebih lanjut tentang persetujuan.



PERBINCANGAN DAN SOALAN REFLEKSI:

Selepas tayangan video, adakan perbincangan menggunakan soalan-soalan berikut. Sesuaikan rentak perbincangan mengikut masa dan utamakan soalan yang ingin dibincangkan.

1. Bagaimana perasaan anda menonton video ini? Apakah reaksi awal anda?
2. Apakah contoh persetujuan yang anda perhatikan dalam video tersebut?
3. Mengapa persetujuan penting? Bagaimana seseorang boleh memastikan mereka mendapat persetujuan dari orang lain?
4. Apa yang boleh dilakukan jika seseorang mengubah fikiran di tengah-tengah aktiviti yang sebelumnya mereka setujui?
5. Apakah perkara utama yang anda pelajari daripada video dan perbincangan ini?

NOTA:

Galakkan penyertaan daripada peserta, tidak mengapa jika ada yang kurang selesa untuk bersuara – jangan paksa sesiapa untuk menjawab jika mereka tidak mahu. Pertimbangkan juga untuk menggunakan nota lekat atau Google Jamboard supaya peserta dapat menulis pandangan mereka secara anonim.

LAKUKAN!

- Hormati pendapat peserta
- Amalkan pendengaran secara aktif
- Gunakan terma inklusif dan gender neutral
- Berikan peluang kepada semua untuk menjawab dan berkongsi
- Ingatkan peserta untuk menghormati orang lain dan mengamalkan pendengaran secara aktif

NOTA KHAS UNTUK PENDIDIK RAKAN SEBAYA

- Perbincangan ini mungkin mencetuskan trauma bagi mereka yang pernah mengalami serangan seksual atau rogol. Sebelum memulakan sesi, pastikan bertanya kepada organisasi yang anda bekerja mengenai polisi pelaporan dan sumber sokongan yang sesuai.
- Pastikan anda memberitahu peserta bahawa mereka boleh bercakap dengan anda selepas sesi dan bersedia untuk memberikan rujukan kepada kaunselor atau perkhidmatan kesihatan jika diperlukan.
- Bersedia untuk menangani peserta yang mungkin mula mendedahkan pengalaman peribadi semasa perbincangan atau menunjuk individu yang dianggap sebagai pelaku dengan mrngambil maklum apa yang mereka kongsikan dan memberitahu mereka di mana mereka boleh mendapatkan sokongan, termasuk daripada orang dewasa yang dipercayai.
- Peka kepada keperluan khusus peserta. Sesetengah peserta mungkin memerlukan pengaturan khas untuk menyertai perbincangan atau aktiviti. Sebagai contoh, anda boleh menyesuaikan ruang fizikal untuk memenuhi keperluan peserta dengan mobiliti terhad atau mengubah aktiviti supaya memerlukan pergerakan yang lebih sedikit.

PENJELASAN PERSETUJUAN



AKTIVITI PILIHAN:

Aktiviti ini menyediakan cara interaktif untuk peserta merenung dengan lebih mendalam tentang maklumat yang dikongsi dalam video.

Jelaskan kepada peserta bahawa mereka akan lakukan **Lakonan Peranan**. Minta peserta duduk secara berpasangan dan agihkan satu daripada tiga senario kepada setiap pasangan, pastikan senario diedarkan secara seimbang di kalangan pasangan. Galakkan peserta untuk berbual secara spontan berdasarkan senario yang telah diberikan. Jika aktiviti dijalankan secara maya, gunakan *breakout rooms* untuk pasangan melakonkan peranan, dengan setiap pasangan diberikan satu senario yang sama seperti dalam sesi fizikal.

NOTA:

Senario boleh disesuaikan untuk mencerminkan orientasi seksual yang berbeza.

Beri setiap kumpulan **lima minit**, kemudian baca senario yang pertama dan minta sukarelawan untuk melakonkan watak dan berkongsi pendapat dan fikiran mereka termasuk perasaan memberi atau menerima persetujuan. Ulangi proses ini untuk lakonan senario kedua dan ketiga. Akhir sekali, minta peserta berkongsi ringkasan penting daripada aktiviti ini.



TIGA LANGKAH UNTUK MEMINTA PERSETUJUAN

Berikut merupakan tiga langkah utama untuk mendapatkan persetujuan.

1. Minta (Jelaskan apa yang anda inginkan orang lain mempersetujui).
2. Dengar: Perhatikan respons "ya atau "tidak" dan bahasa tubuh.
3. Hormati: Hargai jawapan yang diberikan.



PENJELASAN PERSETUJUAN

RINGKASAN UTAMA:

Rumuskan sesi ini dengan berkongsi ringkasan utama seperti di bawah:

Meminta dan mendapat persetujuan adalah penting untuk menghormati batas masing-masing dan membina hubungan yang sihat. Kita mempunyai hak untuk menukar fikiran tentang apa yang kita ingin lakukan atau tidak mahu lakukan pada bila-bila masa. Jika kita mengatakan 'tidak' atau tidak mahu memberi persetujuan, ia boleh dinyatakan pada bila-bila masa. Misalnya, 'ya' di awal permulaan hubungan seksual tidak bermakna memberikan persetujuan untuk keseluruhan proses, dan pasangan anda mesti menghormati keputusan tersebut untuk memastikan hubungan yang sihat.

Kita juga perlu sentiasa ingat bahawa hanya kerana seseorang tidak mengatakan "tidak," tidak bermakna persetujuan telah diberikan. Persetujuan mesti diberikan secara sukarela. Jika seseorang dipaksa atau diancam untuk memberikan persetujuan terhadap sebarang tingkah laku, itu bukan persetujuan.

Persetujuan tidak boleh diberikan oleh individu di bawah umur, dalam keadaan mabuk, atau hilang upaya akibat penggunaan dadah atau alkohol, serta ketika tidur atau tidak sedar. Jika seseorang memberikan persetujuan kerana ditekan oleh intimidasi atau ancaman, hal ini tidak dianggap sebagai persetujuan kerana tidak diberikan secara sukarela. Seseorang mesti mencapai usia tertentu untuk memberikan persetujuan yang sah. Usia ini dikenali sebagai "umur persetujuan," dan undang-undang berkaitan umur persetujuan berbeza mengikut negara. Ingat, jika seseorang mengalami serangan seksual, itu bukan kesalahan mereka. Mangsa harus memberitahu orang dewasa yang dipercayai jika mereka diserang secara seksual.

Ciptaan bersama
Daniel Wahyu Priyambodo,
Doris Kuang,
dan Naura Haryanto.

Gunting dan membuat beberapa salinan mengikut jumlah pasangan dalam kumpulan

1. Atina dan Ganda sedang bercinta. Atina berkata "ya" untuk berpeluk sambil menonton wayang bersama. Ganda fikir mungkin baik untuk mencium Atina juga, tetapi adakah wajar untuk Ganda melakukan itu?

2. Krishna dan Adi adalah kembar. Krishna membeli versi PlayStation yang baharu menggunakan wang simpanannya. Sebagai ibu bapa yang telah mengajar mereka untuk berkongsi semua perkara sejak kecil, Adi berpendapat tindakan unutk meminjam PlayStation milik Krishna tanpa meminta izin terdahulu adalah wajar. Adakah wajar untuk Adi melakukan perkara tersebut? Apakah Adi perlu lakukan dulu?

3. Naomi mengajak Bao untuk lepak di parti bersama, tetapi Bao tidak mahu pergi kerana Bao tidak suka suasana yang bising atau berjumpa dengan orang tidak dikenali di sana. Apa yang patut Bao katakan? Bagaimana Naomi pastikan bahawa Bao tidak mahu pergi?



AMAZE telah bekerjasama dengan Kahoot! yang merangka satu siri kuiz untuk mencetuskan perbualan bermakna dan mencipta pembelajaran yang menarik. Pendidik rakan sebaya boleh menggalakkan peserta bermain

kuiz pilihan daripada **AMAZE di Kahoot! Academy** pada penghujung sesi (secara bersemuka atau secara maya) di mana peserta menggunakan telefon pintar, tablet, atau komputer untuk mengambil bahagian.

Akses Kahoot di sini: https://bit.ly/kahoot_consent

Senarai soalan di bawah adalah dalam Kuiz Kahoot, dan jawapannya berwarna **oren**.

1. [Kuiz] Antara yang berikut menerangkan persetujuan?
 - a. Membuat andaian seseorang ingin melibatkan diri dalam aktiviti tertentu kerana mereka telah melakukannya sebelum ini.
 - b. **Perjanjian antara orang untuk melibatkan diri dalam tingkah laku atau aktiviti tertentu.**
 - c. Berkata "ya" atau bersetuju untuk melakukan sesuatu aktiviti, walaupun anda tidak mahu melakukannya.
 - d. Semua di atas adalah salah.
2. [Kuiz] Apakah contoh di bawah yang manakah menggambarkan persetujuan?
 - a. Bao berkata "tidak" kepada jemputan Naomi ke majlis.
 - b. Jane berpendapat bahawa Nicole mahu menonton filem seram kerana dia tidak membantah.
 - c. **Adi meminta untuk meminjam PlayStation terbaru Khrisna, dan Khrisna menganggukkan kepalanya.**
3. [Kuiz] Apakah yang boleh dilakukan untuk memastikan mereka mendapat persetujuan orang lain?
 - a. Menganggukkan kepala secara rela
 - b. Mengatakan "Ya, itu boleh dengan saya!"
 - c. Menanda, "Ya, itu ok dengan saya!"
 - d. **Semua di atas adalah benar, dan anda bersedia untuk membina hubungan yang lebih baik**
4. [BENAR atau SALAH] Seseorang boleh mengubah fikiran (menarik persetujuan) bila-bila masa semasa bermesra dengan pasangannya. **Betul, seseorang boleh mengubah fikiran pada bila-bila masa, dan keputusan ini mesti dihormati.**
5. [Kuiz] Apakah faktor yang boleh mempengaruhi kebolehan seseorang untuk memberi persetujuan?
 - a. Bawah umur
 - b. Dibawah pengaruh dadah atau alkohol
 - c. Tertidur
 - d. **Semua di atas adalah benar**